

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan mengemukakan dapatan kajian dan analisis semua data tentang penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK), Pendidikan Moral Tingkatan Empat. Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan dan kesesuaian kaedah pengajaran bermodul.

Segala data kajian telah diperolehi melalui penilaian pakar, ujian satu dengan satu dan kajian rintis. Kajian rintis melibatkan ujianpra dan ujianpasca, pemerhatian tanpa penyertaan dan respon pelajar mengenai kesesuaian modul. Respon kepada temubual berstruktur telah dianalisa untuk mendapatkan pendapat guru terhadap modul dan catatan nota hasil pemerhatian tanpa penyertaan adalah untuk mendapatkan analisis reaksi pelajar terhadap penggunaan modul. Skor ujianpra dan skor ujianpasca membolehkan pengkaji dapat melihat sejauh manakah skor tersebut berubah secara signifikan selepas menggunakan MPK. Manakala soal selidik yang dibina oleh pengkaji adalah untuk mengukur respon pelajar terhadap MPK. Data kajian yang berbentuk kuantitatif diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS). Penghuraian keputusan dibuat dalam kedua-dua bentuk kaedah deskriptif dan inferensi. Analisis statistik inferensi yang digunakan adalah ujian-t. Analisis ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan di antara pencapaian praujian dengan pascaujian bagi

para pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran bermodul. Manakala kekerapan dan peratusan digunakan untuk melihat respon pelajar berkenaan MPK.

4.2 Penilaian Modul Berdasarkan Ujianpra dan Ujianpasca

Soalan 1 : Adakah Modul Pengajaran Kendiri Pendidikan Moral ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai nilai tersebut ?

4.2.1. Perbezaan Skor Ujianpra dan Ujianpasca Secara Keseluruhan

Jadual 4.1 : Ujian -t Pencapaian Pelajar Mengikut Ujianpra dan Ujianpasca

Ujian	n	Min	Sisihan Piawai	t
Pra	30	59.17	15.65	-6.18
Pasca	30	72.83	13.62	
DF = 29				p = .000

Jadual 4.1 menunjukkan min bagi keputusan ujianpasca bagi MPK di kalangan pelajar Tingkatan Empat adalah lebih tinggi ($X= 72.83$) berbanding keputusan ujianpra ($X=59.17$).

Nilai t = - 6.18, p = .000 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara keputusan ujianpra dan ujianpasca. Peningkatan min dari ujianpra kepada ujianpasca menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian akademik pelajar selepas

mengikuti MPK Pendidikan Moral, Tingkatan Empat. Keputusan ini adalah bertepatan dengan beberapa kajian (Shaharom Noordin, 1996; Azlinda, 2000 & Okey, 1974) yang mendapati penggunaan MPK dapat meningkatkan pencapaian akademik.

4.2.2 Perbezaan Skor Ujianpra dan Ujianpasca bagi Bahagian A

Jadual 4.2 : Ujian -t Pencapaian Pelajar Mengikut Ujianpra dan Ujianpasca

Ujian	n	Min	Sisihan Piawai	t
Pra	30	28.73	5.91	- 4.91
Pasca	30	32.73	4.62	
DF = 29				p = .000

Jadual 4.2 menunjukkan min bagi keputusan ujianpasca bagi MPK di kalangan pelajar Tingkatan Empat adalah lebih tinggi ($X= 32.73$) berbanding keputusan ujianpra ($X=28.73$).

Nilai $t = - 4.91$, $p = .000$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara keputusan ujianpra dan ujianpasca. Peningkatan min dari ujianpra kepada ujianpasca bagi Bahagian A menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian akademik dalam soalan-soalan berbentuk objektif pelajar selepas mengikuti MPK Pendidikan Moral, Tingkatan Empat.

4.2.3 Perbezaan Skor Ujianpra dan Ujianpasca bagi Bahagian B

Jadual 4.3 : Ujian -t Pencapaian Pelajar Mengikut Ujianpra dan Ujianpasca

.	Ujian	n	Min	Sisihan Piawai	t
	Pra	30	30.43	5.90	- 5.22
	Pasca	30	40.10	4.62	
DF = 29					p = .000

Jadual 4.3 menunjukkan min bagi keputusan ujianpasca bagi MPK di kalangan pelajar tingkatan empat adalah lebih tinggi ($X= 40.10$) berbanding keputusan ujianpra ($X= 30.43$).

Nilai $t = - 5.22$, $p = .000$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara keputusan ujianpra dan ujianpasca. Peningkatan min dari ujianpra kepada ujianpasca menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian akademik pelajar bagi soalan-soalan berbentuk struktur selepas mengikuti MPK Pendidikan Moral, Tingkatan Empat. Ini membuktikan bahawa MPK yang digunakan membantu pelajar mendalami teknik menjawab soalan berbentuk struktur dengan lebih baik.

4.3 Respon Pelajar Terhadap MPK

Soalan 2 : Apakah pandangan pelajar mengenai MPK ini ?

4.3.1 Analisis Pandangan Pelajar Berkenaan Matlamat dan Objektif

Jadual 4.4 : Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Matlamat dan Objektif

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	n	%	n	%	n	%
1.1 Objektif jelas	1	3.3	1	3.3	28	93.3
1.2 Objektif dapat diukur	5	16.7	10	33.3	15	50

Jadual 4.4 menunjukkan sebanyak 93.3% pelajar mendapati objektif dinyatakan dengan jelas berbanding 3.3% pelajar yang tidak setuju dan 3.3% yang tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar (93.3%) bersetuju bahawa objektif yang dinyatakan dalam MPK adalah jelas.

Bagi item objektif dapat diukur, sebanyak 50% mengatakan setuju, berbanding 16.7% yang tidak setuju dan 3.3% yang tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti pelajar (50%) menyatakan objektif yang dinyatakan dapat diukur. Walaupun begitu agak ramai pelajar (33.3%) menjawab tidak pasti. Ini mungkin adalah kerana responden tidak pernah

didedahkan dengan penggunaan MPK dalam pembelajaran mereka dan mereka kurang faham dengan istilah objektif dapat diukur.

4.3.2 Analisis Pandangan Pelajar Berkanaan Kandungan MPK

Jadual 4.5 : Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Kandungan MPK

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju	n	%	Tidak Pasti	n	%
2.1 Arahan Jelas	3	10	5	16.7	22	73.3
2.2 Tajuk-tajuk disusun mengikut urutan	-	-	4	13.3	26	86.7
2.3 Kandungan sesuai dengan objektif dan sukanan	1	3.3	5	16.7	24	80
2.4 Bahan pembelajaran menarik	6	20	7	23.3	16	53.3
2.5 Penerangan jelas dan mudah	5	16.7	2	6.7	23	76.7
2.6 Maklumat sesuai	4	13.3	13	43.3	13	43.3

Jadual 4.5 menunjukkan pandangan pelajar mengenai kandungan MPK. Daripada dapatan kajian didapati sebanyak 73.3% pelajar menyatakan arahan-arahan dalam MPK adalah jelas berbanding dengan 10% yang tidak setuju dan 16.7% yang tidak pasti.

Sebanyak 86.7% pelajar menyatakan bahawa tajuk-tajuk disusun mengikut urutan berbanding 13.3% pelajar yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Sementara 80% pelajar menyatakan kandungan MPK adalah sesuai dengan objektif dan sukanan berbanding 3.3% yang tidak setuju dan 16.7% yang tidak pasti. Sebanyak 53.3% pelajar pula menyatakan bahan pembelajaran adalah menarik, 20% mengatakan tidak menarik dan 23.3% mengatakan tidak pasti.

Bagi item penerangan jelas dan mudah, sebanyak 76.7% pelajar setuju berbanding 16.7% yang tidak setuju dan 6.7% yang tidak pasti. Akhirnya sebanyak 43.3% pelajar mengatakan tidak terdapat terlalu banyak maklumat dalam setiap pelajaran berbanding 43.3% yang tidak pasti dan 13.3% yang mengatakan tidak setuju. Didapati sebanyak 43.3% pelajar tidak pasti sama ada terlalu banyak maklumat disampaikan dalam setiap pelajaran atau tidak. Ini mungkin kerana penerangan yang dipermudahkan menjadikan pelajaran bertambah atau pelajar menghendaki setiap pelajaran dperincikan lagi kepada unit-unit yang lebih kecil.

4.3.3 Analisis Pandangan Pelajar Berkenaan Struktur dan Organisasi MPK

Jadual 4.6 : Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Struktur dan Organisasi

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	n	%	n	%	n	%
3.1 Dipecah kepada unit-unit kecil	3	10	6	20	21	70
3.2 Ada urutan yang logik	1	3.3	2	6.7	27	90

Jadual 4.6 menunjukkan sebanyak 70% pelajar mendapati modul ini dipecah kepada unit-unit yang kecil berbanding 10% pelajar yang tidak setuju dan 20% yang tidak pasti

Bagi item urutan yang logik di antara setiap unit, sebanyak 90% pelajar mengatakan setuju, berbanding 6.7% yang tidak setuju dan 3.3% yang tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti pelajar mengaku bahawa struktur dan organisasi MPK adalah positif iaitu dipecah kepada unit-unit yang lebih kecil (70%) dan ada urutan yang logik di antara setiap unit (90%).

4.3.4. Analisis Pandangan Pelajar Berkaitan Latihan dan Aktiviti

Jadual 4.7 : Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Latihan dan Aktiviti

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju n	Tidak setuju %	Tidak Pasti n	Tidak Pasti %	Setuju n	Setuju %
4.1 Arahan aktiviti jelas	1	3.3	-	-	29	96.7
4.2 Soalan disusun dari senang ke susah	4	13.3	10	33.3	16	53.3
4.3 Membantu dan berkait dengan objektif pelajaran	5	16.7	-	-	25	83.3
4.4 Menarik dan mencabar	7	23.3	2	6.7	21	70
4.5 Ujian berguna	2	6.7	4	13.3	24	80

Jadual 4.7 menunjukkan pandangan pelajar mengenai latihan dan aktiviti dalam MPK. Dapatan kajian mendapati sebanyak 96.7% pelajar menyatakan arahan-arahan bagi aktiviti dan latihan dalam MPK adalah jelas berbanding dengan 3.3% yang tidak setuju. Sebanyak 53.3% pelajar menyatakan bahawa latihan dan aktiviti bermula dengan soalan yang senang dan meningkat kesukarannya berbanding, 13.3% pelajar yang tidak setuju dan 33.3% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Sementara 83.3% pelajar menyatakan latihan dan aktiviti membantu memahami konsep-konsep dengan baik dan

Sebanyak 53.3% pelajar menyatakan bahawa latihan dan aktiviti bermula dengan soalan yang senang dan meningkat kesukarannya berbanding, 13.3% pelajar yang tidak setuju dan 33.3% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Sementara 83.3% pelajar menyatakan latihan dan aktiviti membantu memahami konsep-konsep dengan baik dan

berkait dengan objektif berbanding 16.7% yang tidak setuju. Sebanyak 70% pelajar pula menyatakan latihan dan aktiviti adalah menarik dan mencabar. Manakala 23.3% pelajar mengatakan tidak menarik dan 6.7% mengatakan tidak pasti.

Akhirnya sebanyak 80% pelajar mengatakan ujian yang disediakan sangat berguna kerana ia membolehkan mereka mengetahui sejauhmanakah mereka telah mencapai objektif-objektif pelajaran berbanding 6.7% yang tidak setuju dan 13.3% yang tidak pasti. Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan majoriti pelajar bersetuju bahawa latihan dan aktiviti yang terdapat dalam MPK adalah baik dan sesuai.

4.3.5 Analisis Pandangan Pelajar Berkennaan Persembahan MPK

Jadual 4.8 : Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Persembahan MPK

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju	n	Tidak Pasti	n	Setuju	%
5.1 Persembahan menarik dan konsisten	5	16.7	9	30	16	53.3
5.2 Teks dipecah kepada yang mudah dan sesuai	4	13.3	3	10	23	76.7

Berdasarkan Jadual 4.8 didapati sebanyak 53.3% pelajar mendapat persempahan modul adalah menarik dan konsisten berbanding 16.7% pelajar yang tidak setuju dan 30% yang tidak pasti. Bagi item teks dipecahkan kepada pecahan yang mudah dikendalikan dan sesuai, sebanyak 76.7% pelajar menyatakan setuju, berbanding 13.3% yang tidak setuju dan 10% yang tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti pelajar berpendapat persempahan modul adalah menarik dan sesuai.

4.3.6 Analisis Pandangan Pelajar Berkaitan Bahasa MPK

Jadual 4.9: Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Bahasa MPK

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju n	Tidak setuju %	Tidak Pasti n	Tidak Pasti %	Setuju n	Setuju %
6.1 Bahasa sesuai	2	6.7	4	13.3	24	80
6.2 Bahasa mudah difahami dan istilah sukar diperjelaskan	4	13.3	3	10	23	76.7
6.3 Nada informal	5	16.7	11	36.7	14	46.7

Jadual 4.9 menunjukkan sebanyak 80% pelajar mendapat bahasa yang digunakan adalah sesuai untuk semua tahap pelajar berbanding 6.7% pelajar yang tidak

setuju dan 13.3% yang tidak pasti. Bagi item bahasa yang digunakan mudah difahami dan istilah yang sukar diberikan penjelasan, sebanyak 76.7% pelajar menyatakan setuju, berbanding 13.3% yang tidak setuju dan 23% yang tidak pasti. Sementara itu, 46.7% pelajar menyatakan nada yang digunakan adalah informal berbanding 16.7% yang tidak setuju dan 36.7% yang tidak pasti. Ini menunjukkan ramai pelajar iaitu 36.7% pelajar tidak pasti sama ada nada yang digunakan itu informal atau tidak. Ini adalah kerana ada bahagian tertentu terutamanya penerangan definisi menggunakan nada formal. Pada keseluruhannya didapati bahasa yang digunakan adalah mudah dan sesuai untuk pelajar.

4.3.7 Analisis Sikap Pelajar Berkenaan MPK

Jadual 4.10 : Taburan Sikap Pelajar Terhadap MPK

Perkara	Kekerapan Pandangan Pelajar					
	Tidak setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	n	%	n	%	n	%
7.1 Seronok menggunakan MPK	5	16.7	5	16.7	20	66.7
7.2 MPK membantu memahami topik Semangat Bermasyarakat	2	6.7	2	6.7	26	86.7
7.4 Berguna kepada rakan-rakan	3	10	5	16.7	22	73.3
7.5 Memberikan kepuasan	2	6.7	5	16.7	23	76.7

Jadual 4.10 menunjukkan sikap pelajar mengenai MPK. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 66.7% pelajar menyatakan mereka berasa seronok semasa menggunakan modul ini berbanding dengan 16.7% yang tidak seronok dan 16.7% yang tidak pasti.

Sebanyak 86.7% pelajar menyatakan bahawa modul ini membantu mereka memahami topik Semangat Bermasyarakat dengan lebih baik berbanding 6.7% pelajar yang tidak setuju dan 6.7% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Sementara 73.3% pelajar menyatakan mereka berasa MPK ini berguna kepada rakan-rakan mereka berbanding 10% pelajar yang tidak setuju dan 16.7% pelajar tidak pasti. Sebanyak 76.7% pelajar pula menyatakan belajar dengan modul ini memberikan kepuasan kepada mereka. Manakala 6.7% pelajar mengatakan modul ini tidak memberikan kepuasan dan sebanyak 16.7% pelajar pula mengatakan tidak pasti. Secara keseluruhannya berdasarkan dapatan kajian ini didadapti bahawa sikap pelajar terhadap modul ini adalah positif. Ini bertepatan dengan beberapa kajian (Butts, 1998; Okey, 1974; Norlela, 1991).

4.4 Respon Temubual Berstruktur dengan Pakar

Soalan: Apakah Pandangan Pakar Mengenai Modul Pengajaran Kendiri?

Temubual berstruktur telah dijalankan dengan tiga orang guru mata pelajaran Pendidikan Moral termasuk seorang ketua panitia Pendidikan Moral. Berikut adalah respon temubual berstruktur dengan tiga orang guru tersebut. Penilaian dibuat ke atas

Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan merujuk kepada objektif, kandungan, struktur dan organisasi, latihan dan soalan dan persembahan.

Hasil temubual didapati modul yang dihasilkan berada pada status sangat sesuai untuk diguna sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi penguasaan Nilai Semangat Bermasyarakat. Kesemua guru berpendapat bahawa pengajaran modul yang berbentuk kendiri berkesan kerana tumpuan yang menyeluruh dan pengajaran sepenuhnya dapat diberi kepada setiap aspek kelemahan pelajar. Di samping itu, pelajar dapat belajar mengikut tahap dan kebolehan mereka sendiri. Seorang guru berpendapat bahawa modul yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri yang dapat membantu memudahkan pemahaman para pelajar.

Guru-guru juga bersetuju bahawa objektif yang dikemukakan di awal modul telah dinyatakan dengan jelas dan berkaitan dengan matlamat kurikulum. Isi kandungan setiap pelajaran adalah tepat dan berkaitan dengan objektif pelajaran. Penerangan yang diberikan adalah jelas. Isi dan bahan pelajaran yang digunakan adalah berkait dengan pengalaman pelajar.

Pakar mata pelajaran berpendapat kandungan tutorial telah disusun dengan baik. Kesemua guru berpendapat bahawa pembahagian unit pengajaran yang sesuai membolehkan pelajar mempelajari Nilai Semangat Bermasyarakat dengan lebih berkesan. Walaupun begitu, terdapat di beberapa tempat bentuk-bentuk arahan-arahan yang diberikan tidak jelas dan konsisten.

Pakar subjek juga mendapati bahawa item-item yang diberikan di dalam ujian dan latihan adalah jelas dan sah. Ini bermakna latihan tersebut sesuai digunakan untuk mengukuhkan penguasaan pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan kepada mereka. Selain itu, ujian yang digunakan dalam MPK juga sesuai. Ujian yang sesuai membolehkan guru mengesan pencapaian dan kemajuan pelajar. Namun begitu, Ketua Panitia yang juga merupakan pemeriksa kertas Pendidikan Moral, SPM telah menegur tentang teknik menjawab bagi beberapa soalan.

Dari aspek bahasa, guru-guru mengaku bahasa yang digunakan sesuai untuk pelajar dan mudah difahami. Tetapi kesilapan kecil di dalam ejaan khususnya penggunaan huruf besar dan huruf kecil telah ditegur. Guru mata pelajaran juga berpendapat bahawa set induksi telah dijalankan dengan baik. Mereka juga mengenalpasti tiada penutup dalam bentuk rumusan perkara-perkara yang telah dipelajari diberikan.

Secara keseluruhannya, kesemua guru bersepakat bahawa Modul Pengajaran Kendiri Pendidikan Moral, Tingkatan Empat ini adalah berkesan kerana tumpuan yang menyeluruh dan pengajaran sepenuhnya dapat diberikan kepada setiap aspek kelemahan pelajar. Walaupun begitu beberapa komen telah diberikan demi untuk memperbaiki keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri ini

4.5 Pemerhatian Tanpa Penyertaan

Soalan : Apakah tindakbalas pelajar menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan semasa menggunakan modul tersebut?

Sesuatu modul yang dihasilkan seharusnya mewujudkan perasaan selesa, keyakinan dan keseronokan kepada pengguna sewaktu menggunakanannya. Sekiranya sifat-sifat tersebut tidak ada sewaktu penggunaannya, maka modul tersebut akan gagal menarik dan mengekalkan perhatian pelajar terhadap pengajaran modul.

Dalam kajian ini pemerhatian tanpa penyertaan yang dijalankan telah memberikan beberapa maklumat tentang keselasaan, keyakinan dan keseronokan pelajar ketika menggunakan modul tersebut. Ini adalah untuk menyokong dapatan kajian tentang pandangan kajian terhadap MPK yang dihasilkan.

Pada awal pemerhatian, mereka kelihatan berhati-hati dalam setiap pergerakan dan perbuatan. Pada sesi pertama juga beberapa kelakuan menarik telah berjaya diperhatikan. Ada beberapa pelajar menunjukkan perlakuan negatif seperti menyelak-selak muka surat modul tanpa tujuan, menggeleng-gelengkan kepala dan terdapat kerutan di dahi. Perlakuan ini menunjukkan seolah-olah mereka keliru dan tidak pasti dengan aktiviti yang dijalankan. Walau bagaimanapun, perlakuan-perlakuan negatif yang diperhatikan pada sesi pertama berkurangan pada sesi seterusnya. Ada sebanyak lima orang pelajar lelaki yang agak lemah dalam pelajaran menunjukkan sikap kurang minat terhadap pelajaran. Ini dikenalpasti adalah disebabkan oleh sikap mereka yang tidak berminat terhadap pelajaran dan malas membaca.

Pada sesi-sesi seterusnya, beberapa orang pelajar menampakkan muka terhibur kerana gambar-gambar dan nama-nama orang yang mereka kenali seperti kawan-kawan dan guru-guru mereka. Pada sesi ketiga, ada sebilangan pelajar mula habis menggunakan modul dan kelihatan gembira. Oleh kerana setiap pelajar menamatkan modul mengikut tahap mereka, maka pelajar yang tamat lewat dari rakan-rakan yang lain merasa kurang selesa kerana pergerakan pelajar yang telah tamat mengganggu konsentrasi mereka.

Walaubagaimanapun sebilangan pelajar menunjukkan keyakinan dalam menggunakan modul tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa faktor masa mempengaruhi keyakinan diri para pelajar sewaktu menggunakan Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan. Semakin lama para pelajar menjadi semakin yakin.

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian menunjukkan keputusan yang positif terhadap keberkesanan penggunaan modul. Di antaranya:

- a. Skor ujianpra dan ujianpasca berubah secara signifikan.
- b. Pandangan pelajar terhadap MPK adalah positif dari segi matlamat dan objektif, kandungan, struktur dan organisasi, latihan dan aktiviti, persembahan, bahasa, dan sikap.

- c. Respon pakar adalah positif dengan beberapa teguran demi untuk memperbaiki keberkesanannya MPK.
- d. Tindakbalas pelajar semasa menggunakan MPK menunjukkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan.